

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## KEPATUHAN ETIKA MELALUI AKTIVITI LAKONAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH MENENGAH

## ETHICS THROUGH ACTING ACTIVITIES IN TEACHING AND LEARNING OF MORAL EDUCATION IN SECONDARY SCHOOLS

Vasanthan Gurusamy <sup>\*1</sup>, Sharmini Siva Vikaraman <sup>2</sup>  
Marshal Briewin Masilamani <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [vasanthangurusamy@gmail.com](mailto:vasanthangurusamy@gmail.com)

<sup>2</sup> English Language Teaching Centre, Ministry of Education, Malaysia.

Email: [sharmini@eltc.edu.my](mailto:sharmini@eltc.edu.my)

<sup>3</sup> Aspire2 International, New Zealand. Email: [marshal.briewin@aspire2.ac.nz](mailto:marshal.briewin@aspire2.ac.nz)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/154>

### Abstract

Understanding and adherence to an ethic can help a person in performing moral actions. Thus, this article discusses the potential of short film acting activities as a teaching method in improving students' understanding of the ethical elements as school students. A total of 18 female and male students (three focused groups) from the form four Moral Education class were used for the purpose of data collection. Sampling techniques were used to select study participants. This qualitative study was conducted using observation protocol instruments, interview protocols and journal writing guides aimed at collecting data. Data analysis shows that acting activities in the teaching and learning of Moral Education can help students to understand and implement moral actions by adhering to moral ethics.

**Keywords :** Ethics, Acting activities, Teaching and learning, Moral education

### Abstrak

Pemahaman dan kepatuhan sesuatu etika dapat membantu seseorang dalam melaksanakan tindakan moral. Justeru, artikel ini membincangkan potensi aktiviti lakonan filem pendek sebagai kaedah pengajaran dalam meningkatkan pemahaman murid terhadap unsur etika sebagai murid sekolah. Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat digunakan untuk tujuan pengumpulan data Teknik pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian. Kajian kualitatif ini dilaksanakan

dengan menggunakan instrumen protokol pemerhatian, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal bertujuan untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral membantu murid memahami dan melaksanakan tindakan moral dengan mematuhi etika moral.

**Kata kunci :** Etika, Aktiviti lakonan, Pengajaran dan pembelajaran, Pendidikan Moral

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 2<sup>nd</sup> July 2021, revised 18<sup>th</sup> July 2021, accepted 2<sup>nd</sup> August 2021

## Pengenalan


Pendidikan Moral merupakan satu program untuk membentuk murid menjadi insan bermoral dengan memberi keutamaan dalam aspek perkembangan pemikiran moral, emosi dan tingkah laku moral (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>1</sup>. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga aspek ini dapat memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan melalui penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000). Bagi melahirkan insan yang bermoral seseorang itu perlu memahami prinsip-prinsip moral dan juga etika yang dipatuhi oleh masyarakat setempat. Pemahaman sesuatu etika bagi murid-murid dapat membantu remaja dalam memperkembangkan nilai sendiri remaja antaranya sifat watak, moral, tingkahlaku dan juga kemahiran prososial seperti dialog antara budaya, pemikiran kritis dan membuat keputusan moral (Roeser, 2000)<sup>2</sup>. Namun, kajian juga menunjukkan wujudnya masalah di mana murid-murid kurang arif dalam memahami unsur etika. Brian (2000)<sup>3</sup> menegaskan pemahaman etika dalam kalangan murid kian pudar dan kaedah pengajaran yang sesuai perlu dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Tambahan pula guru-guru tidak menggunakan kaedah yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan murid sukar memahami nilai-nilai moral dan etika (O'Flaherty, 2017)<sup>4</sup>. Pengajaran guru memberikan keutamaan dalam aspek kognitif, malah aspek emosi dan tindakan tidak diendahkan (Vishalache, 2009)<sup>5</sup>. Tambahan pula kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru juga mementingkan hafalan nilai-nilai murni dengan menggunakan buku teks dan huraian sukatan pelajaran (Abd. Shatar, 2009)<sup>6</sup>.

Dalam pada itu, kewujudan pelbagai masalah sosial seperti pecah rumah, membuli dan penularan budaya gengsterisme serta hedonisme yang melibatkan murid semakin meningkat di negara kita (Zainul Arifin Md. Isa, 2012)<sup>7</sup>. Wujudnya masalah ini disebabkan murid kurang memberi tumpuan kepada nilai-nilai moral dan etika dan kurang bermotivasi untuk melaksanakan sesuatu tindakan moral. Rest (1984)<sup>8</sup>, menyatakan murid harus mempunyai motivasi moral untuk melaksanakan tindakan moral dengan memberi keutamaan kepada prinsip-prinsip moral dan etika serta menyetepikan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Menurut Craig dan Oja (2012)<sup>9</sup>, seseorang yang akan melaksanakan tindakan moral akan (i) bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan yang diambil, (ii) komited terhadap prinsip-prinsip moral dan etika, (iii) mengutamakan nilai-nilai moral dan etika berbanding kehendak lain, (iv) menolak elemen yang memberikan keuntungan peribadi dan (v) berpendirian untuk bertindak berdasarkan unsur moral dan etika. Rushton dan Penticuff (2007)<sup>10</sup>, pula menegaskan bahawa pemahaman terhadap sesuatu

etika amat mustahak kepada seseorang dalam melaksanakan sesuatu tindakan mengikut pendirian diri sendiri. Justeru pemahaman etika sebagai pelajar harus diberi keutamaan dalam pengajaran Pendidikan Moral bagi melahirkan insan yang bermoral di negara ini.

### Prosedur Kajian

Aktiviti lakonan telah dikenal pasti melalui teknik pembikinan filem pendek yang digunakan sebagai strategi pengajaran Pendidikan Moral. Terdapat tiga fasa dalam teknik pembikinan filem pendek antaranya membuat papan cerita, berlakonan, menonton dan analisis filem pendek. Murid akan membuat rakaman filem pendek di luar waktu kelas dengan melakonkan watak-watak yang terdapat dalam sesebuah cerita. Papan cerita akan digunakan sebagai rujukan untuk membuat penggambaran filem pendek. Murid akan merakam filem pendek dengan bantuan guru. Seterusnya tayangan filem dan analisis filem akan dilaksanakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di bilik tayang. Rajah 1 menunjukkan proses pelaksanaan teknik pembikinan filem pendek.



Rajah 1: Pelaksanaan Teknik Pembikinan Filem Pendek

### Sorotan Kajian

Teknik lakonan dapat meningkatkan daya kognitif murid, afektif dan tingkah laku moral (Piaget,1962)<sup>11</sup>. Menurut McCaslin (2006)<sup>12</sup> teknik lakonan dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu situasi melalui kemahiran simpati dan empathy dan dapat menyelesaikan sesuatu konflik moral dengan mematuhi sesuatu etika. Menurut Bolton (1979)<sup>13</sup> murid dapat mengaplikasikan pemahaman sesuatu etika dalam aktiviti lakonan yang dibuat dalam kelas. Tambahan pula murid juga dapat menyatakan idea mereka dalam aktiviti lakonan dengan berpegang kepada sesuatu etika dalam menyelesaikan konflik moral (Ustundag, 1997)<sup>14</sup>. Menurut Brian (2000)<sup>3</sup>, penggunaan aktiviti drama di dalam kelas boleh membantu murid memahami sesuatu etika mengikut sesuatu kontek sosial. Nadarajan, Vasanthan & Zuraini (2020)<sup>15</sup>, menyatakan Pendidikan Moral perlu menggunakan strategi menarik seperti aktiviti lakonan agar objektif pengajaran dapat dicapai. Pengajaran Pendidikan Moral perlu memberi keutamaan kepada aspek memahami situasi orang lain dan membuat keputusan moral yang sewajarnya serta melaksanakan tindakan moral tanpa mempengaruhi faktor-faktor lain (Vishalache,2009)<sup>5</sup>. Tambahan pula Edminston (2003)<sup>16</sup>, menjelaskan aktiviti lakonan dalam kelas memberi peluang

kepada murid untuk menggambarkan kesan yang akan berlaku kepada watak-watak cereka dan secara tidak langsung murid akan mempunyai sikap tanggungjawab dalam tindakan moral yang akan diambil. Justeru, aktiviti lakonan dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral bagi meningkatkan motivasi moral.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan (*action research*). Kemmis dan McTaggart (1988)<sup>17</sup>, menggambarkan kajian tindakan dalam bentuk gelungan. Setiap gelungan mempunyai empat fasa, iaitu (a) merancang (*plan*), (b) bertindak (*action*), (c) memerhati (*observe*) dan (d) mengkaji semula (*reflect*). Model Zuber -Skerrit (1995)<sup>18</sup>, telah digunakan dalam kajian ini kerana lingkaran kajian tindakan ini menuju naik ke atas menandakan penambahbaikan yang berterusan dalam sesuatu latihan dan proses ini akan berlanjutan meningkatkan pengetahuan peribadi dan profesional. Reka bentuk kajian tindakan dipilih kerana reka bentuk ini merupakan prosedur sistematik yang digunakan oleh guru atau penyelidik dalam konteks sekolah untuk mengkaji dan memperbaiki amalan pengajaran di bilik darjah (Chow & Jaizah, 2001<sup>19</sup>; Whitehead & McNiff, 2006<sup>20</sup>; Nadarajan 2016<sup>21</sup>). Seramai 18 orang murid (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Protokol pemerhatian di bilik darjah, protokol temu bual dan panduan penulisan jurnal digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kualitatif. Kesahan kandungan instrumen telah dibuat bersama pakar dalam bidang Pendidikan Moral dan kajian tindakan.

### **Teknik Mengutip Data**

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan data (Bogdan & Biklen, 2007)<sup>22</sup>. Kaedah utama yang digunakan oleh penyelidik ialah temu bual kumpulan berfokus. Semua sesi temu bual dirakam secara audio, ditranskripsikan melalui proses pengekodan dan dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian Nvivo 11. Semua transkripsi dan laporan verbatim diberikan semula kepada peserta bagi memeriksa pandangan yang diberikan semasa sesi temu bual dijalankan. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan dokumen (penulisan jurnal murid) dan data pemerhatian di dalam bilik darjah. Teknik triangulasi digunakan untuk mengesahkan data daripada ketiga-tiga sumber ini demi memperkukuhkan kesahan dapatan kajian (Nadarajan & Hasbi, 2017)<sup>23</sup>.

### **Analisis Data**

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bertema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006)<sup>24</sup>. Proses analisis melibatkan langkah-langkah seperti pengurusan data, transkripsi, penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub tema dilaksanakan oleh penyelidik dengan menggunakan perisian Nvivo (David & Peter, 2014)<sup>25</sup>. Data yang telah melalui proses pengekodan akan dipecahkan mengikut tema atau kategori. Kesemua data yang diperoleh disusun untuk menjawab soalan kajian.

## Dapatan Kajian

### Gelung Pertama

Hasil temu bual ketiga-tiga gelung kajian menunjukkan peserta dapat mengambil keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai dalam sesuatu konflik. Hasil temu bual aktiviti berlakon menunjukkan peserta membuat keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai menerusi isu hak memilih badan beruniform

Penyelidik: Aktiviti mana yang membantu kamu ambil keputusan moral tanpa mengubah prinsip etika?

Peserta: Masa lakonan filem, adik dia beritahu kakak, guru berikan dia masuk kadet bomba, sebab adik dia minat pada pengakap...walaupun guru mewajibkan semua masuk kadet bomba dia tetap ingin memasuki badan beruniform yang diminati. Kakak berjumpa guru untuk bertanya boleh tak adik tukar ke kadet bomba dengan mematuhi etika yang betul. Kakak faham dia adalah murid sekolah dan harus mematuhi etika sebagai murid.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 1\\SMK LL\\17-8]

Penyelidik: Dalam filem OKU, kenapa pengawal keselamatan tidak mengambil tindakan terus?

Peserta: Masa menonton filem, pengawal keselamatan memberi peluang kepada YDP dahulu, kalau dia tidak berubah lagi dia baru ambil tindakan. Pengawal keselamatan itu menghormati PIBG kerana dia ada kuasa di sekolah *so* dia bagi peluang dengan memberi nasihat kepada dia, dan pengawal keselamatan melaksanakan tugas dengan tanggungjawab.

Penyelidik: Kenapa anda rasakan aktiviti menonton filem mudah untuk anda memahami tindakan yang dilakukan oleh pengawal keselamatan itu?

Peserta: Ahh..sebab ia mudah untuk saya faham kerana dalam filem itu pengawal itu pakai beruniform dan dia mesti mematuhi peraturan sekolah itu. Saya tonton filem mudah saya fahamkan situasi yang berlaku.

[Internals\\Temu bual\\Gelung 1\\SMK DH\\ 26-9]

Manakala catatan jurnal gelung pertama (aktiviti lakonan) juga memperlihatkan peserta mengambil keputusan moral dengan mematuhi prinsip etika yang sesuai menerusi isu buli. Peserta dapat meletakkan dirinya seperti watak dalam cerita. Kogilavanoan (watak cereka) misalnya mengambil keputusan untuk menasihati Mohan (watak cereka) supaya jangan membuli Andy dan prinsip etika yang dipatuhi adalah sebagai murid sekolah dia sepatutnya menyelesaikan masalah buli yang berlaku sesama kawan mereka. Tindakan ini juga merupakan etika yang perlu dipatuhi oleh seseorang murid.

Melalui aktiviti lakonan, Kogilavanoan mengambil keputusan moral berjumpa Mohan untuk selesaikan masalah tanpa lapor pada guru, sebagai seorang murid dia kena menyelesaikan perbuatan buli sesama kawan mereka, sebagai murid sekolah kita kena ambil berat terhadap masalah yang melanda kawan-kawan kita.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 1\\SMK KB\\8-8]

Selanjutnya catatan pemerhatian gelung pertama aktiviti menulis skrip cerita juga membantu murid membuat keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai menerusi isu penggunaan bekas polistirena. Pemerhati mencatatkan murid berpegang prinsip etika mengikut situasi dalam cerita Krishantini (watak cereka) misalnya mengambil keputusan menasihati pekerja kantin dalam isu penggunaan polistirena di kantin dan prinsip etika yang dipegang adalah sebagai seorang murid sekolah dia sepatutnya peka terhadap kesalahan yang dibuat oleh warga sekolah dan cuba untuk membetulkannya.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 1\\SMK DH\\Letch\\18-8]

## **Gelung Kedua**

Dalam pada itu catatan jurnal gelung kedua aktiviti menulis skrip lakonan juga menunjukkan peserta mengambil keputusan moral dengan mematuhi prinsip etika yang sesuai menerusi isu memuat naik perbuatan vandalisme dalam media sosial. Peserta dapat berpegang pada prinsip etika dalam keputusan moral yang diambil. Nagamani (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral dengan menasihati kawan yang merakam video perbuatan vandalisme di sekolah dan prinsip etika yang dipegang adalah sebagai seorang murid sekolah dia sepatutnya menjaga nama baik sekolah dan memastikan video berkenaan tidak tersebar luas dalam media sosial. Tindakan ini menunjukkan pelakar mengikut etika sebagai seorang murid yang menjaga nama baik sekolah.

Aktiviti penulisan skrip lakonan membantu saya ambil keputusan moral, Nagamani menasihati murid tersebut kerana merakam video dan upload dalam media sosial adalah perkara yang dilarang, kita tidak boleh buat begitu, oleh itu imej sekolah tercemar. Nagamani dapat mematuhi etika sebagai murid sekolah dengan menasihati kawan dia memadam video berkenaan dan memastikan nama baik sekolah tidak tercemar.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 2\\SMK KB\\1-9]

Analisis catatan pemerhatian aktiviti berlakon juga memperlihatkan kemampuan murid dalam membuat keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai menerusi isu semangat patriotik. Menurut pemerhati murid telah berpegang pada prinsip etika semasa berlakon dalam filem. Mathivani (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral memberi nasihat kepada remaja yang merosakkan bendera Malaysia di sekolah berkenaan dan prinsip etika yang dipegang adalah sebagai seorang murid sekolah dia sepatutnya mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan mengambil tindakan menasihati remaja yang mencemarkan bendera Malaysia.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 2\\SMK DH\\Vas\\25-9]

## **Gelung Ketiga**

Gelung ketiga hasil temu bual aktiviti menulis plot cerita juga membantu peserta membuat keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai menerusi isu tabiat merokok membawa padah. Peserta dapat mengambil keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika ketika menulis plot cerita. Pengawas (watak cereka) misalnya mengambil keputusan moral untuk menasihati murid yang menghisap rokok dan prinsip etika yang dipatuhi adalah sebagai seorang pengawas sentiasa mengambil berat kesalahan yang dilakukan oleh kawan dan cuba untuk membetulkan dengan memberikan nasihat yang sepatutnya.

- Penyelidik: Adakah aktiviti tadi membantu kamu dalam watak utama membuat keputusan moral yang mengambil kira kebajikan orang lain dengan mengubah sesuatu peraturan?
- Peserta: Aktiviti menulis plot cerita...pengawas itu cuba diri dia sendiri dulu...kalau murid itu mendengar nasihat dia... jika tidak dia akan melaporkan kepada cikgu lah.. Sebelum dia mengambil tindakan yang besar-besarnya dia bagi tahu sebagai nasihat atau *face to face* pengawas itu macam jalankan tugas dengan baik dan sempurna.. dia nak tolong kawan dia supaya menjadi orang yang baik.

[Internals\\Temu bual \\Gelung 3\\SMK DH\\ 24-10]

Catatan jurnal gelung ketiga aktiviti melakar gambar juga membantu peserta membuat keputusan moral dengan mengambil kira prinsip etika yang sesuai menerusi isu tabiat merokok membawa padah. Dalam aktiviti melakar gambar peserta telah berpegang pada prinsip etika sebagai pengawas. Pengawas (watak cereka) misalnya menasihati murid yang merokok di kawasan sekolah dan prinsip etika yang dipegang adalah sebagai seorang pengawas perlu peka dengan salah laku yang dibuat oleh murid lain dan cuba membetulkan mereka mengikut etika pengawas.

Semasa melakar gambar saya boleh rasakan diri saya dalam situasi itu, dan saya lakar gambar pengawas yang memberikan nasihat kepada murid tingkatan 5. Sebagai pengawas saya kena peka dengan kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid lain, dan tanggungjawab saya adalah membetulkan salah laku mereka dengan mematuhi etika sebagai seorang pengawas.

[Internals\\Jurnal\\Gelung 3\\SMK DH\\18-10]

Justeru catatan pemerhatian gelung ketiga aktiviti menonton dan menganalisis filem juga membantu murid mengambil keputusan moral dengan mematuhi prinsip etika yang sesuai menerusi isu memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum di media sosial. Pemerhati mendapati murid telah memberi cadangan dan keputusan moral yang mematuhi prinsip etika. Guru (watak cereka) misalnya harus mengambil keputusan untuk memberitahu kepada pengetua mengenai anak dia yang memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum dalam media sosial dan prinsip etika yang dipatuhi adalah sebagai seorang guru dia peka dengan masalah yang dialami oleh anak murid dan cuba menangani masalah berkenaan tanpa memberikan hukuman mengikut peraturan sekolah.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK DH\\Letch\\23-10]

Justeru catatan pemerhatian gelung ketiga aktiviti menonton dan menganalisis filem juga membantu murid mengambil keputusan moral dengan mematuhi prinsip etika yang sesuai menerusi isu memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum di media sosial. Pemerhati mendapati murid telah memberi cadangan dan keputusan moral yang mematuhi prinsip etika. Guru(watak cereka) misalnya harus mengambil keputusan untuk memberitahu kepada pengetua mengenai anak dia yang memuat naik perkara yang menyentuh sensitiviti kaum dalam media sosial dan prinsip etika yang dipatuhi adalah sebagai seorang guru dia peka dengan masalah yang dialami oleh anak murid dan cuba menangani masalah berkenaan tanpa memberikan hukuman mengikut peraturan sekolah.

[Internals\\Pemerhatian\\Gelung 3\\SMK DH\\Letch\\23-10]

## Rumusan Dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral telah membantu murid dalam memahami dan melaksanakan tindakan moral dengan mematuhi sesuatu etika. Pemahaman etika dapat membimbing seseorang dalam mengamalkan prinsip-prinsip moral dalam kehidupan harian. Dalam skema moral mengekalkan norma seseorang individu dapat mengambil keputusan moral dengan memahami peraturan sosial atau etika sesuatu tempat. Menurut Kurawa (2012), kewujudan sesuatu etika disebabkan oleh kesepakatan yang dibuat dalam kalangan anggota masyarakat yang bertujuan untuk kelebihan yang akan diperoleh secara individu atau kolektif. Oleh itu pemahaman seseorang individu mengenai kelebihan sesuatu etika akan mempengaruhi pertimbangan moral yang diambil dalam sesuatu konflik. Kaedah pengajaran yang menggunakan teknik lakonan telah membantu murid dalam membuat pertimbangan moral mengikut sesuatu etika.

## Kesimpulan

Pemahaman sesuatu etika merupakan satu elemen utama dalam melaksanakan sesuatu tindakan moral. Pemahaman ini banyak membantu murid dalam melaksanakan tindakan moral dalam aktiviti harian mereka. Menurut Vikaraman (2021) pula kepatuhan etika moral bukan sahaja mencetuskan unsur pertimbangan moral malah dapat menjana sifat kepimpinan yang perlu ada pada seseorang murid dan ini membawa kepada budaya kerjaya yang positif bagi seseorang murid pada masa akan datang. Jelaslah teknik pengajaran interaktif seperti aktiviti lakonan dalam pengajaran Pendidikan Moral membantu murid meningkatkan pemahaman murid mengenai kepatuhan etika dan menguasai kemahiran insaniah yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

## Rujukan

1. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM (Semakan)*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
2. Roeser, R.W.; Eccles, J.S.; Sameroff, A.J. School as a context of early adolescents' academic and social-emotional development: A summary of research findings. *Elem. Sch. J.* 2000, 100, 443–471. [CrossRef]
3. Brian Edmiston. (2000). Drama as Ethical Education. *Research in Drama Education, Vol. 5, No. 1, 2000*
4. O'Flaherty, J.; Liddy, M.; McCormack, O. The teachers put effort into teaching us about life, and what's right and what's wrong: Values and moral education in publicly-managed schools in Ireland. *J. Beliefs Values* 2018,39, 45–56.
5. Vishalache Balakrishnan. (2009). Teaching moral education in secondary schools using real-life dilemmas. *i-manager's Journal on Education Psychology*, 2(3), 14-20.
6. Abdul Shatar Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan kandungan dan pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
7. Zainul Arifin Md. Isa. (2012, June 13). Grads without soft skills victims of system. *New Straits Times*, p. 19.



8. Rest, J. (1984). *The major components of morality*. Dalam W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Morality, moral development and moral behaviour* (pp. 24-38). New York: Wiley.
9. Craig, P.J., & Oja, S.N. (2013). Moral judgement changes among undergraduates in a capstone internship experience. *Journal of Moral Education*, 42(1), 43-70.
10. Rushton, C.H., & Penticuff, J.H. (2007). In *Critical Care Dilemmas in Critical Care Nursing*. *AACN Advanced Critical Care*, 18(3), 323–328.
11. Piaget, J. (1962). *The language and thought of the child*. London: Routledge & Kegan Paul.
12. McCaslin, M. (2006). Student motivational dynamics in the era of school reform. *Elementary School Journal*, 106, 479-490.
13. Bolton, G. (1979). *Towards a theory of drama in education*. London: Longman.
14. Ustundag, T. (1997). The advantages of using drama as a method of education in elementary schools. *Hacettepe University Journal of Education*, 13, 89-94.
15. Nadarajan, Vasanthan, Zuraini. (2020). The Development of Multiple Intelligences in Moral Education Class Through Forum Theatre. *Journal of Critical Reviews* Issn- 2394-5125vol 7, Issue 14, 2020
16. Edmiston, B. (2003). Drama as ethical education: Research in drama education: *The Journal of Applied Theatre and Performance*, 5(1), 63–84.
17. Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
18. Zuber-Skerrit, O. (1995). Models for action research. In S. Pinchen & R. Passfield. (Eds.) *Moving On: Creative applications of action learning and action research*. (pp. 3 - 29). Queensland, Australia: Action Research, Action Learning and Process Management
19. Chow, F. M., & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
20. Whitehead, J., & McNiff, J. (2006). *Action research living theory*. London, UK: Sage.
21. Nadarajan Thambu, & Ganesan Shanmugavelu. (2016). Unsur ‘niat moral’ dalam teater forum: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 5, 1-14.
22. Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York: Pearson
23. Nadarajan Thambu, & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 9(1), 25-46.
24. Brian, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
25. David Wilkinson and Peter Birmingham. (2014). *Using research instruments: A guide for researchers*. London: Taylor & Francis Group.
26. Siva Vikaraman, S., Mansor, A., Mohd Nor, M., Alias, B., & Gurusamy, V. (2021). Ethical Leadership Practices and Trust Among Public School Leaders in Malaysia. *Asian Journal of University Education*, 17(3), 174-191. doi:10.24191/ajue. v17i3.14509
27. Kurawa, S. S. (2012). Social Order in Sociology: Its Reality and Elusiveness. *Sociology Mind*, 2(1), 34–40. <http://doi.org/10.4236/sm.2012.21004>